

PENGGUNAAN SIFAT SYAITAN DALAM SURAH PILIHAN MENERUSI ASPEK LEKSIKOGRAFI DAN WACANA BAHASA ARAB

THE USE OF SATAN'S CHARACTERISTICS IN SELECTED SURAH FROM LEXICOGRAPHIC ASPECT AND ARABIC DISCOURSE

Muhamad Khairul Anuar Zulkepliⁱ

ⁱ (Corresponding author) Calon Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
rose_mujahid@yahoo.com

Abstrak

Syaitan adalah makhluk ghaib yang wajib dipercayai akan kewujudannya dan ia mempunyai sifat-sifat yang tersendiri berserta tugas masing-masing. Kewujudannya di atas muka bumi tidak dinafikan sepertimana yang termaktub dalam al-Quran. Perbincangan berkaitan dengan syaitan ini telah dinyatakan dalam al-Quran secara terperinci malah kesinambungan dari apa yang telah dijelaskan tersebut direalisasikan menerusi kajian-kajian ilmiah dan sebagainya. Namun, perbincangan tersebut banyak berkisarkan tentang sifat-sifat syaitan yang wujud dalam al-Quran dan perkara yang berhubungkait dengannya. Perincian terhadap aspek wacana bahasa Arab di sebalik sifat-sifat syaitan dalam al-Quran kurang diberi perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat asal usul perkataan bagi sifat syaitan dalam surah pilihan dan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sifat-sifat tersebut di sebalik penggunaannya dalam al-Quran. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan rekabentuk analisis kandungan dengan menjadikan al-Quran sebagai sumber utama analisis. Data pula dianalisis secara deskriptif dengan berdasarkan pendapat para ilmuan terdahulu berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka. Sebanyak lima sifat syaitan dikaji berfokuskan kepada bentuk-bentuk perbendaharaan kata al-Quran dan wacana bahasa Arab serta percontohan daripada ayat-ayat al-Quran. Sifat-sifat tersebut juga dikaji dari aspek mesej yang tersirat di sebalik penggunaannya dalam ayat al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan sifat-sifat syaitan dalam al-Quran memberikan beberapa aspek wacana bahasa Arab yang tersendiri. Setiap sifat tersebut mengandungi bentuk gaya bahasanya yang mampu dibuktikan melalui gaya bahasa tashbih, ishtirak lafziyy, tatabahasa, ishtiqaq, istihna' dan hiperbola.

Kata kunci: al-Quran, syaitan, sifat, wacana, perbendaharaan kata.

Abstract

Satan is an unseen creature religiously commanded to be believed of its existence, and it possesses its distinguished characteristics related to respective tasks. The existence of Satan is undeniable as mentioned in the Quran. Discussions related to Satan has been stated in in the Quran in detail but the continuation of what is described is realized through scientific studies. However, the discussion here emphasises more on the aspect of characteristics of Satan in the Qur'an and the related issues. Particularisation of the Arabic discourse aspect behind the characteristics of Satan in the Quran is scarcely attended to. Therefore, this study aims to look at the origin of the word of Satan's characteristic in the selected surah in the Quran and analyse the Quranic verses related to Satan's characteristics behind their uses in the Qur'an. This study is qualitative in nature using content analysis designed by taking the Qur'an as the main source of analysis. The data are analysed in descriptive way based on the views of past scholars related to the issues they raised up. Around five characteristics of Satan analysed are focused on the form of glossary of the Quran, Arabic discourse and its language style apart from the exempling from Quranic verses. The characteristics are also studied of their internal aspect, namely the message underlying their usage in the Quran. The outcome of this study indicates that the use of the characteristics of Satan in the Quran brings to a unique aspect of its language discourse.

Each of the Satan's characteristic has its own language style capable of being proven through the selection of words, ishtirak lafziyy, grammatical, ishtiqaq, istihna' and hyperbole.

Keywords: Quran, satan, characteristics, discourse, glossary.

PENDAHULUAN

Syaitan merupakan makhluk halus yang wajib diyakini kewujudannya dan ia telah digariskan oleh al-Quran serta hadis. Definisi makhluk halus yang diketengahkan di sini ialah makhluk-makhluk yang diciptakan Allah tanpa berjisim dan kebiasaannya tidak dapat dilihat oleh mata atau dirasa dengan tangan (Abd Majid Hassan, 2011). Menyedari akan hakikat ini, al-Quran telah menyebut bahawa syaitan adalah makhluk yang dilaknat. Kewujudan syaitan dalam al-Quran sering dibicarakan oleh para ilmuan Islam sama ada dalam bentuk kisah, cerita atau kajian umum.

Pada amnya, penulisan yang berkaitan dengan syaitan dalam al-Quran bukanlah menjadi perkara baru di kalangan para ilmuan silam dan moden. Ia sudah lama direalisasikan dan ia masih diteruskan hingga ke hari ini. Antara tulisan tersebut ialah *°Alam al-Jin wa al-Shaytan* (1978), *al-Shaytan wa al-Insan* (2002), *Qasas al-Quran al-Karim* (2003) dan *Ayat-Ayat Syaitan: Membongkar Rahsia Jin, Syaitan Dan Iblis Dalam Al-Quran* (2012). Di sebalik penulisan yang seperti ini, ia memperlihatkan satu ijmak atau pandangan konsesus dan sepakat tentang kebenaran wujudnya syaitan dalam al-Quran atau hadis.

Syaitan dalam semua kepercayaan dan agama adalah raja segala kejahatan. Malah, ia adalah ketua kepada segala roh yang jahat dan roh kejahatan ini diakui oleh kebanyakan agama. Ia adalah makhluk penderhaka yang ingkar kepada Allah dan sentiasa cuba untuk menghancurkan keturunan Nabi Adam. Perkataan syaitan adalah perkataan awal yang muncul dalam kitab Taurat dan ia diinterpretasikan sebagai syaitan yang membangkang. Perkataan syaitan mendefinisikan banyak nama dan antaranya ialah *Lucifer* yang disebut dalam kitab Taurat dan Injil. Manakala dalam al-Quran, ia disebut *Iblis* (al-Sayyid Mahrus, 1997).

Sehubungan itu, al-Quran memberi peringatan kepada manusia supaya berwaspada dengan strategi syaitan. Ini kerana syaitan mempunyai senjata yang amat berbisa kepada manusia iaitu bisikan dan hasutannya. Perlu ditegaskan bahawa syaitan mempunyai bisikan halus dan ia menghasut manusia ke arah kejahatan serta kebinasaan. Syaitan ingin jadikan manusia sebagai penderhaka kepada Allah sentiasa ingkar kepadaNya (al-Sya^orawi, 2002).

Selain itu, syaitan juga mempunyai tipu daya dan muslihat terhadap manusia di atas muka bumi ini. Perlu diketahui bahawa manusia adalah musuh utama syaitan. Salah satu daripada tipu daya syaitan ialah dengan memberi nasihat kepada manusia. Syaitan disebut sebagai pemberi nasihat kepada manusia dengan berpura-pura memberikan nasihat kepada anak-anak Adam. Namun, ada udang disebalik batu yang perlu manusia sedari daripada kepura-puraan tersebut. Disebalik nasihat itu, ia bertujuan untuk menyesatkan dan menjerumuskan manusia ke lembah kemungkaran kepada Allah (Hafiz Firdaus Abdullah, 2008).

Tambahan lagi, syaitan juga boleh berada dalam diri manusia, hati dan fikiran dalam keadaan yang tidak diketahui. Syaitan menggunakan bisikannya sebagai alternatif untuk masuk ke dalam hati dan fikiran manusia. Dengan bisikan tersebutlah syaitan disebut *al-Waswas al-Khannas* (al-Ashqar, 1978). Seterusnya, pandangan lain menyatakan bahawa *al-Shaytan* merupakan antara nama yang makruf kerana ia wujud dalam tiga kitab besar iaitu al-Quran, Taurat dan Injil. Perkataan *al-Shaytan* dikatakan adalah dari bahasa Ibrani yang bererti berlawanan atau musuh. Sebab utama yang disangkakan perkataan ini dipinjam daripada bahasa Ibrani ialah kerana ia adalah bahasa Yahudi dan agama Nabi Musa adalah agama yang lebih awal sampai kepada mereka berbanding agama Masihi dan Islam (al-°Aqad, 1985). Memetik kepada satu pandangan lain, ia menyebut bahawa perkataan *al-Shaytan* terbentuk dari pola *فَيْعَال* dan ia adalah sifat bagi perkataan tersebut. *Al-Shaytan* adalah sifat kepada Iblis dan kunci-kuncunya yang melakukan kerja-kerja Iblis. Sedangkan Iblis adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah dan ia telah diperintahkan untuk keluar dari

syurga dan dilaknat olehNya (°Awdah, 2006). Dalam kenyataan pula ada menyebut bahawa terdapat beberapa jenis nama syaitan yang dinyatakan dalam al-Quran. Antaranya ialah “*banna*” yang bererti pemburuh pembina dan “*ghawwas*” bererti penyelam. Akan tetapi, kedua-dua perkataan tersebut lebih merujuk kepada sifat bagi syaitan dan bukannya nama kepada syaitan (Abdullah Bukhari, 2012).

Berhubung dengan penjelasan di atas, dapat dilihat percanggahan pendapat yang timbul dan ia perlu kepada pencerahan yang muktamad. Justeru, perselisihan yang timbul ini tidak selesai dan ia membawa kepada satu kajian perlu dilakukan bagi menghasilkan penyelesaian yang muktamad. Oleh yang demikian, permasalahan berbangkit ini dijadikan sandaran asas untuk mengenalpasti kewujudan nama-nama syaitan dalam al-Quran secara objektif. Ia bertujuan untuk melihat kebenaran terhadap nama-nama syaitan dalam al-Quran sama ada ia adalah nama yang ditujukan kepada syaitan atau ia hanya sekadar sifat yang disandarkan kepada syaitan.

METODOLOGI

Kajian ini lebih mendasari pendekatan kualitatif dengan menggunakan rekabentuk analisis dokumen terhadap rujukan dan sumber berkaitan dengan topik kajian. Penelitian difokuskan kepada al-Quran yang menjadi sumber utama untuk mengenalpasti sifat bagi syaitan dalam surah-surah pilihan. Terdapat lima sifat bagi syaitan dikenalpasti untuk dikaji. Ia dikenalpasti menerusi lima surah berlainan iaitu surah al-Baqarah, al-A°raf, Sad, al-Qasas dan al-Hashr.

Surah-surah tersebut dikenalpasti berdasarkan pandangan para ilmuan seperti al-Fayruz Abadi (1973), M.Quraish Shihab (1999) dan Abdullah Bukhari (2012). Pemilihan surah tersebut turut dibantu dengan *Mu°jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim* (2001). Perkataan dalam *mu°jam* ini disusun mengikut susunan huruf bermula dari huruf Alif hingga Ya°. Dari setiap huruf tersebut, disenaraikan semua ayat al-Quran yang mengandungi sifat bagi syaitan berserta ayat, nama surah dan juzuknya.

Sifat yang telah dikenalpasti dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Ia digunakan dalam kajian ini dengan mengambil pendapat para ilmuan terdahulu berkisarkan isu yang dibangkitkan oleh mereka. Sifat yang terkandung dalam ayat al-Quran digariskan dan ia diklasifikasikan mengikut surah dan ayat. Setiap sifat tersebut akan dilihat asal usul perkataan berdasarkan kamus klasik Arab. *Mu°jam Lisan al-Arab* (1999) dijadikan rujukan utama dalam kajian ini kerana ia menghimpunkan pandangan sarjana bahasa seperti al-Azhariyy (2001), al-Farahidiyy (1988) dan al-Fayruz Abadiyy (2005).

Perbincangan yang berkaitan dengan sifat tersebut akan berpandukan kepada tafsir muktabar iaitu *Tafsir al-Fakhr al-Raziyy* (1981), *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir* (1984), *Zad al-Masir fi °Ilm al-Tafsir* (1984), *Tafsir al-Bahr al-Muhit* (1993), *al-Mizan fi Tafsir al-Qur’an* (1997), *Tafsir al-Qur’an al-°Azim* (1998), *al-Lubab fi °Ulum al-Kitab* (1998), *Tafsir al-Baghawiyy* (1999), *Tafsir al-Baydawiyy* (2000) dan *Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shar°ah wa al-Manhaj* (2009). Kemudian, sifat tersebut dianalisis aspek wacana bahasa arabnya menerusi beberapa aspek seperti retorik, *ishtiqaq* dan tatabahasa. Kitab *°rab al-Qur’an al-Karim wa Bayanuhu* (1992) menjadi sandaran utama untuk dilihat aspek wacana bahasa Arab tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada pemerhatian mendapati bahawa terdapat lima perkataan dalam al-Quran yang dikenalpasti sebagai sifat kepada syaitan. Sifat-sifat yang telah dikenalpasti ini dipaparkan mengikut ayat dan surah masing-masing dalam jadual 1.

Jadual 1: Sifat syaitan mengikut ayat dan surah

Bil	Sifat	Surah	Ayat
1	<i>Al-Shaytan</i>	Al-Hashr	16
2	<i>Al-Taghut</i>	Al-Baqarah	256
3	<i>Khadhul</i>	Al-Furqan	29
4	<i>Iblis</i>	Al-Baqarah	34
5	<i>Ghawwas</i>	Sad	37

Al-Shaytan

Firman Allah Taala:

﴿كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلْإِنْسَانِ اكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِّنْكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya, “(Sikap kaum munafik dengan kaum yahudi itu) samalah seperti (sikap) syaitan ketika ia berkata kepada manusia: Berlaku kufurlah engkau! Setelah orang itu berlaku kufur (dan tetap terkena azab), berkatalah syaitan kepadanya, sesungguhnya aku adalah berlepas diri daripadamu kerana sebenarnya aku takut kepada Allah, Tuhan yang menguasai seluruh alam)” (al-Quran. al-Hashr: 59/16).

Perkataan *al-Shaytan* dikatakan daripada bahasa Ibrani yang bererti berlawanan atau musuh. Perkataan tersebut turut dipinjam daripada bahasa Ibrani kerana ia adalah daripada bahasa Yahudi dan agama Nabi Musa merupakan ajaran agama yang lebih awal daripada agama Masihi dan Islam. Selain itu, ia dikatakan daripada bahasa Yahudi kerana mereka adalah bangsa asal yang membicarakan tentang syaitan dalam percakapan. Namun, perkataan *al-Shaytan* lebih tepat dikatakan berasal daripada bahasa Arab kerana ia mempunyai kata dasar yang boleh membawa kepada terbentuknya perkataan *al-Shaytan* (°al-Aqad, 1985).

Menurut sarjana bahasa, *al-Shaytan* berasal daripada perkataan ﴿شَطَنٌ﴾ bererti jauh.

Manakala ﴿الشَّطْنُ﴾ ialah kata terbitan bagi perkataan ﴿شَطْنًا - يَشْطُنُهُ - شَطْنَهُ﴾ yang bererti berpaling daripada wajah dan niatnya. ﴿الشَّيْطَانُ﴾ bererti segala bentuk keangkuhan dan kejahatan dari kalangan jin, manusia dan binatang (Ibn Manzur, 1999).

Terdapat juga pendapat lain yang menyebut *al-Shaytan* berasal daripada perkataan ﴿شَاطٌ﴾ yang bererti membakar. Walau bagaimanapun, pengkaji bahasa bersepakat menyatakan ia berasal daripada perkataan ﴿شَطَنٌ﴾ kerana huruf Nun adalah huruf asal bagi perkataan tersebut yang bermaksud jauh daripada kebaikan. Perkataan *al-Shaytan* telah wujud dalam kehidupan masyarakat Arab dan terdapat daripada kalangan mereka yang dinamakan dengan *al-Shaytan* iaitu Shaytan bin al-Hukm, Shaytan bin Bakar bin °Awf dan Shaytan bin Mudallaj dari Bani Jusham (°Awdah, 2006). Dalam masyarakat Arab, *al-Shaytan* menginterpretasikan pelbagai bentuk gambaran seperti yang tertera dalam rangkap puisi berikut:

وَجَاءَ إِلَيَّ شَيْطَانِي يُحَرِّشُنِي عَلَى الْقَدْرِ
وَحَاوَلَ كَفْرًا مِنِّي وَجَرَّأَنِي عَلَى سَفَرٍ

Dalam rangkap puisi ini, penyair menyebut bahawa syaitan datang kepadanya dan menghancurkan dirinya. Ini menunjukkan bahawa syaitan adalah bersifat berpaling dan menghancurkan diri seseorang (Ibn al-Mu°taz, 1961).

Dalam kalangan masyarakat Arab, *al-Shaytan* merujuk kepada segala kejahatan daripada kalangan manusia, jin atau haiwan. Oleh itu, mafhum daripada perkataan *al-Shaytan* ini merungkaikan segala bentuk kejahatan, kekejian, keangkuhan, berwajah hodoh

serta jauh daripada rahmat dan kebaikan. Oleh yang demikian, syaitan adalah makhluk yang bersifat angkuh, jahat serta jauh dari segala kebaikan dan rahmat Allah (Hujjati, 1993).

Bertitik tolak dari sini, boleh dikatakan bahawa *al-Shaytan* lebih merujuk kepada sifat bagi syaitan. Ayat al-Quran ini menginterpretasikan perumpamaan terhadap kaum munafik yang memperdayakan kaum Yahudi dengan janji kosong. Kaum munafik berjanji untuk membantu mereka memerangi orang mukmin. Namun, mereka membiarkan kaum Yahudi begitu sahaja. Tindakan tersebut menepati tindak-tanduk syaitan memperdayakan manusia dengan kekufuran. Apabila manusia kufur, syaitan akan melepaskan diri dan membiarkan manusia begitu sahaja (al-Zuhayliyy, 2009).

Sebagai kesimpulan, dapat dinyatakan bahawa *al-Shaytan* pada kalam Arab merujuk kepada sesuatu yang sombong, angkuh dan sangat jahat. Ia disifatkan sedemikian kerana keangkuhan dan kejahatannya yang berpaling kepada Allah. Ia adalah lambang kepada segala bentuk kejahatan dari kalangan jin, manusia dan binatang. Perumpamaan yang dilontarkan kepada kaum munafik mencerminkan lambang kepada jejak langkah syaitan. Justeru, al-Quran ingin menunjukkan sifat kaum munafik tersebut adalah sama seperti sifat syaitan. Syaitan sentiasa memesongkan hati manusia dengan tipu daya melalui perhiasan dosa dan kekufuran. Atas dasar ini, sikap kaum munafik yang memesongkan kaum Yahudi diumpamakan sebagai sikap yang mengikuti jejak langkah syaitan.

Dari aspek bahasa Arab, perkataan *al-Shaytan* dapat dilihat menerusi aspek *ishtiaaq* atau etimologi. Ia terbentuk daripada pola *فَيْعَال* yang terbina daripada kata kerja (شَطَّنَ) (Ibn Manzur, 1999). Berlaku perubahan pola pada perkataan *al-Shaytan* yang membawa kepada terbentuknya pola *فَيْعَال*. Perkataan *al-Shaytan* terbina daripada pola *فَيْعَال* kerana ia adalah kata nama yang mengandungi dua penambahan huruf (Mahmud Sulayman, 1999).

Pandangan lain menyebut bahawa pola perkataan *al-Shaytan* menerangkan ia adalah sifat bagi syaitan (Awdah, 2006). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa perkataan *al-Shaytan* terdiri daripada dua huruf penambahan pada perkataan tersebut dan pola pembentukannya pula menunjukkan ia adalah sifat bagi perkataan tersebut.

Jadual 2: Perubahan pola perkataan *al-Shaytan*

Perkataan	Penerangan
شَطَّنَ	Kata kerja atas pola <i>فَعَلَّ</i>
شَيْطَانٌ	Dari kata kerja tersebut berlaku penambahan huruf Ya dan Alif yang membentuk pola <i>فَيْعَالٌ</i>

Aspek kedua yang dapat diperhalusi ialah gaya bahasa perumpamaan. Para sarjana berpendapat bahawa ayat 16 daripada surah al-Hashr ini ialah satu perumpamaan yang disebut *tashbih* (al-Zuhayli, 2009). Dalam hal ini, terdapat satu pandangan yang menyebut bahawa perkataan *مَثَلٌ* digunakan untuk menerangkan sesuatu gambaran, penerangan, kesan dan kezahiran yang nyata. Ia perumpamaan yang menjelaskan sifat bagi sesuatu perkara. Daripada perumpamaan tersebut, ia memberikan impak kepada diri sama ada dalam bentuk pengajaran, akibat, kisah-kisah dan lain-lain (al-Jawziyyah, 1981).

Perkataan *al-Shaytan* dalam ayat tersebut menunjukkan perumpamaan dan ia ditujukan kepada kaum munafik yang memperdayakan kaum Yahudi. Perlu difahami bahawa perkara yang diumpamakan dalam konteks ayat ialah ialah sikap kaum munafik memperdayakan kaum Yahudi sama seperti sikap syaitan yang memperdayakan manusia dalam kesesatan.

Dalam kondisi ini, tampil satu pendapat menyebut bahawa terdapat perkataan yang dibuang dalam ayat tersebut dan itulah perumpamaan yang ditujukan kepada kaum munafik.

Perkataan tersebut ialah *مَثَلُ الْمُنَافِقِينَ* yang dipadankan dengan ayat *كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ*. Ia bererti kaum munafik memperdayakan kaum Yahudi diumpamakan seperti syaitan (Bahjat, 1998). Lantaran itu, sikap syaitan yang ditonjolkan dalam ayat tersebut menepati sikap kaum munafik yang memperdayakan kaum Yahudi dengan kesesatan. Kaum munafik menjanjikan kata-kata kosong kepada kaum Yahudi untuk membantu mereka memerangi Islam. Akan tetapi, kaum munafik melarikan diri daripada mereka.

Maka, perkataan *مَثَلٍ* dalam ayat tersebut menerangkan perumpamaan bersifat menyeluruh kerana perbuatan kaum munafik memperdayakan kaum Yahudi tidak ubah sama seperti syaitan. Syaitan memperdayakan manusia dengan janji palsu hanya semata-mata untuk menyesatkan manusia. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa perkataan *مَثَلٍ* dalam menerangkan perumpamaan bersifat komprehensif dan menyerupai perbuatan syaitan. Persamaan ini dapat dilihat pada bentuk kejahatan di mana syaitan dan munafik adalah golongan yang sesat dan kufur.

Al-Taghut

Firman Allah Taala:

﴿فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا﴾

Maksudnya, "Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut dan dia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus" (al-Quran. al-Baqarah: 2/256).

Sebahagian pengkaji menyebut perkataan *al-taghut* dikatakan ia berasal daripada bahasa Ibrani iaitu *طاغوت* yang bererti kesalahan, kesesatan. Perkataan ini digunakan untuk menunjukkan maksud penyembahan berhala. Ada juga yang berpendapat *al-Taghut* berasal daripada Masihi yang bererti kesalahan atau kesesatan. Dalam dialek Palestin Masihi pula, *al-taghut* bererti penyembahan berhala (Muhammad al-Sayyid °Ali, 2011).

Namun demikian, para sarjana bahasa menyatakan bahawa perkataan *al-taghut* berasal daripada perkataan *طَعَى - يَطْعَى طُعْيًا وَيَطْعُو طُعْيَانًا* yang bererti melampaui batas dan berlebih-lebihan dalam kekufuran. *الطَّوْغَيْتُ* ialah kata jamak bagi *al-taghut* dan ia bererti syaitan atau segala apa yang dihiasi oleh syaitan dengan kekufuran (Ibn Manzur, 1999). Al-Fayyumi turut menyebut *al-taghut* adalah terbitan daripada kata kerja tersebut dan ia mempunyai dua qender iaitu *mudzakkar* dan *mu'annath* (al-Qahtaniyy, 2012). Perubahan makna perkataan *al-Taghut* dapat dilihat perkaitannya dengan perkataan *الطُّغْيَانِ* dalam rangkap puisi berikut:

وَإِنْ يَرْكَبُوا طُغْيَانَهُمْ وَضَلَالَهُمْ فَلَيْسَ عَذَابُ اللَّهِ عَنْهُمْ بِأَكْبَرَ

Dalam rangkap ini, kekufuran yang melampaui batas dilakarkan melalui perkataan *al-tughyan*. Pada asalnya, ia berasal daripada perkataan *طَعَى* dan makna asal bagi perkataan tersebut ialah air yang meluap hingga ke tahap berbahaya. Maknanya berkembang dan ia digunakan untuk menunjukkan segala sikap yang melampau batas baik terhadap tuhan mahupun manusia. Bertitik tolak daripada pengertian inilah terbitnya pengertian *al-taghut* yang bererti syaitan (al-Baytar, 1993).

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa *al-taghut* lebih merujuk kepada sifat bagi syaitan. *Al-Taghut* mendefinisikan beberapa pengertian dan antaranya ialah syaitan (al-Raziyy, 1981). Ia juga disebut sebagai apa yang disembah selain daripada Allah. Ia juga merujuk kepada tukang sihir, syaitan, segala bentuk kesesatan dan penyembahan selain Allah (al-Baghawiy, 1989). *Al-Taghut* terdiri daripada beberapa kategori. Setiap yang terkeluar

daripada penyembahan Allah, maka ia disebut *al-taghut*. Syaitan adalah pendakwah utama yang mengajak manusia kepada penyembahan selain daripada Allah dan asal *al-taghut* ialah syaitan. Penyembahan syaitan bererti sembah dan taat kepadanya dan ini yang membawa kepada kekufuran (Muhammad bin Abd al-Wahab, 2006).

Maka, benarlah apa yang dikatakan *al-Taghut* ialah syaitan, segala kesesatan dan kekufuran yang amat jauh daripada Allah. Segala penyembahan berhala, syirik dan sebagainya membawa kepada syaitan dan ia berasal daripada syaitan. Justeru, syaitan disebut *al-taghut* kerana ia lambang *taghut* yang paling besar.

Dari sudut etimologi bahasa Arab, perkataan *al-taghut* ialah kata terbitan daripada kata kerja (طَعَا - يَطْعُو) atau (طَعَى - يَطْعَى) dan huruf *ta'* pada perkataan *al-Taghut* adalah huruf tambahan. *Al-Taghut* pada asalnya berasal daripada perkataan طَعِيُوت yang terbentuk daripada pola فَعْلُوت. Berlaku perubahan huruf *ya'* pada perkataan tersebut hingga berubah menjadi طَيِّعُوت. Huruf *ya'* digantikan dengan huruf *alif* lalu membentuk perkataan طَاعُوت. Huruf *illah* diganti dengan huruf *alif* dan menjadi طَاعُوت dengan pola فَعْلُوت (Mahmud Safiyy, 1995).

Jadual 3: Perubahan pola perkataan *al-Taghut*

Perkataan	Penerangan
Perkataan asal طَعِيُوت menjadi طَيِّعُوت	Perubahan huruf <i>ya'</i> pada طَعِيُوت yang membentuk perkataan طَيِّعُوت
Perkataan طَيِّعُوت menjadi طَاعُوت	Huruf <i>ya'</i> طَيِّعُوت digantikan dengan huruf <i>alif</i> menjadi perkataan طَاعُوت
Pola فَعْلُوت berubah kepada فَعْلُوت	Perubahan huruf <i>lam</i> pada pola perkataan

Dari sudut yang lain, perkataan *al-taghut* dapat diperhalusi melalui penggunaannya dalam *ishtirak lafziyy*. Ia mengandungi tiga pengertian iaitu berhala, syaitan dan Ka'ab bin al-Ashraf. Terbitnya perkataan *al-taghut* dengan pebagai maksud merujuk kepada sebab nuzul atau cara pengolahan ayat al-Quran. Bagi yang mengatakan sebab nuzul ayat al-Quran, perbezaan sebab nuzul membawa kepada perbezaan maksud bagi perkataan *al-taghut*. Ada yang menyebut *al-taghut* bermaksud Ka'ab bin al-Ashraf. Ada yang menyebut *al-taghut* ialah berhala dan apa yang disembah selain Allah (al-Munjid, 1999).

Ini bermakna kekuatan perkataan *al-taghut* terletak pada fungsi *ishtirak lafziyy*. Dalam satu pandangan lain menyebut bahawa dalam tafsiran, *al-taghut* memberikan tiga makna iaitu berhala, syaitan dan Ka'ab bin al-Ashraf (Jamal al-Din, 1984). Makna pertama ialah berhala seperti yang dinyatakan dalam firmanNya:

﴿أَنْ اَعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ﴾

Maksudnya, "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah *taghut*" (al-Quran. al-Nahl: 16/36).

Perkataan *al-taghut* dalam ayat ini bererti segala yang disembah selain Allah seperti syaitan, berhala, tukang tilik dan semua kesesatan (al-Shawkaniyy, 1994). *Al-Taghut* merujuk kepada penyembahan selain Allah iaitu berhala (al-Tahir, 1984). Sebagai kesimpulan, setiap penyembahan yang selain dari Allah disebut *al-taghut* kerana ia bermula daripada syaitan dan penyembahan berhala adalah perkara yang perlu dijauhi. *Al-Taghut*

dalam ayat tersebut bererti berhala dan ia adalah pecahan kecil daripada kesesatan yang dibawa oleh syaitan. Pengertian kedua bagi *al-taghut* ialah syaitan. Firman Allah:

﴿وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُعَاثِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ﴾

Maksudnya, “Dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan Taghut (Syaitan)” (al-Quran. al-Nisa’: 4/76).

Perkataan *al-taghut* merujuk kepada ketaatan terhadap syaitan. Jalan *taghut* dalam ayat tersebut ialah jalan syaitan atau berhala atau tukang tilik. Namun, penjelasan bagi ayat ini lebih cenderung kepada pengertian syaitan (al-Baghawiy, 1989). Pandangan lain juga ada menyebut perkara yang sama bahawa *al-taghut* dalam ayat ini bererti syaitan. Perjalanan kisah daripada ayat tersebut sebenarnya lebih fokus kepada syaitan. Dalam kondisi ayat ini, *al-taghut* lebih kepada maksud syaitan (Jamal al-Din, 1984). Makna ketiga bagi *al-taghut* ialah Ka’ab bin al-Ashraf. Firman Allah:

﴿يُرِيدُونَ أَنْ يُتَحَاكَمُوا إِلَى الطَّاغُوتِ﴾

Maksudnya, “Mereka suka hendak berhakim kepada taghut” (al-Quran. al-Nisa’: 4/60).

Ayat ini menjadi perbincangan di kalangan sarjana Islam. Mereka menyebut bahawa *al-taghut* dalam ayat merujuk kepada Ka’ab bin al-Ashraf yang sesat (al-Tabataba’iyy, 1997). *Al-Taghut* dalam ayat ini merujuk kepada seorang yahudi bernama Ka’ab bin al-Ashraf ketika berlakunya permusuhan antara kaum yahudi dan munafik untuk menghakimi kuasa jahiliah yang penuh dengan kebatilan dan *taghut* (Ibn Kathir, 1998).

Ayat ini menjelaskan satu pertelingkahan antara kaum yahudi dan munafik. Kaum Yahudi mengajak kaum munafik untuk bertemu Rasulullah SAW kerana kaum munafik mengambil rasuah. Mereka mengajak kaum munafik kepada penghakiman kuasa mereka. Kesimpulannya, *al-taghut* membawa maksud Ka’ab bin al-Ashraf dan ia bertepatan dengan lafaz yang menceritakan kisah sebaliknya. Disebut Ka’ab bin al-Ashraf sebagai *al-taghut* kerana kekufurannya yang melampau (Jamal al-Din, 1984).

Khadhul

﴿وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِلْإِنْسَانِ خَذُولًا﴾

Maksudnya, “Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya)” (al-Quran. al-Furqan: 25/29).

Perkataan *khadhul* berasal daripada perkataan ﴿خَذَلَ يَخْذُلُهُ خَذَلًا وَخَذَلَانًا﴾ bererti tidak memberi pertolongan. Manakala الخاذِلُ adalah lawan kepada perkataan *al-nasir* bererti seorang yang tidak menolong. خذولٌ bererti membiarkan, tidak memberi pertolongan dan mengecewakan. Dalam satu rangkap puisi ada disebut (Ibn Manzur, 1999):

خَذُولٌ تُرَاعِي رُبِّيًّا بِحَمِيلَةٍ تَنَاقُلُ أَطْرَافِ الْبَرِيرِ وَتَرْتَدِي

Rangkap puisi ini menceritakan seekor biri-biri dan anak-anaknya di kawasan tanah subur. Disebut bahawa biri-biri tersebut membiarkan anak-anaknya dan ia pergi mengikuti tuan pengembalanya ke satu kawasan tanah subur yang dipenuhi oleh sekelompok biri-biri yang lain. Perbuatan membiarkan atau meninggalkan dilakarkan dalam rangkap tersebut melalui perkataan خذولٌ. Pandangan lain juga menyebut bahawa perkataan *khadhul* dalam rangkap tersebut bererti membiarkan (al-Shanqayti, 2005).

Begitu juga pandangan lain ada menyebut bahawa perkataan *khadhul* dalam rangkap ini bererti membiarkan atau tidak memberi pertolongan (al-Zawzaniyy, 2004). Oleh yang demikian, ia boleh dikaitkan dengan sifat syaitan yang sentiasa berpaling dan membiarkan

manusia. Maka, perkataan *khadhul* boleh dikatakan ia lebih merujuk kepada sifat bagi syaitan.

Syaitan sentiasa berusaha dalam apa jua keadaan untuk mengecewakan manusia dan tidak membantu mereka dalam kebenaran. Syaitan memalingkan manusia daripada kebenaran dan mempergunakan mereka dalam kebatilan (Ibn Kathir, 1998). Pandangan ini diperkukuhkan dengan pandangan lain yang menyebut bahawa syaitan mendorong manusia ke arah kehancuran dan membiarkan manusia begitu sahaja (al-Baydawiyy, 2000). Ayat ini memberi peringatan kepada manusia bahawa semua kesesatan datang daripada perbuatan syaitan. Syaitan akan memesongkan manusia yang menjadi sabahatnya dan tidak pernah menolong malah mengecewakan lagi manusia. Begitulah yang dimaksudkan dengan sifat syaitan ini (al-Tahir, 1984).

Terdapat satu peristiwa yang menceritakan sifat syaitan ini. Pada hari perang Badar, Iblis datang bersama bala tentaranya daripada kalangan syaitan. Pada hari itu, syaitan datang menyerupai seorang lelaki bernama Suraqah bin Malik dan berkata kepada kaum musyrikin, “*Pada hari ini tidak ada sesiapa pun dari umat manusia yang dapat mengalahkan kamu dan aku adalah pelindung dan penolong kepada kamu*”. Ketika manusia berkumpul, Rasulullah SAW mengambil segenggam tanah dan membaling ke arah kaum musyrikin. Lalu, mereka berundur. Namun, apabila syaitan melihat malaikat, ia terus lari lintang-pukang dan kaum musyrikin berkata kepadanya, wahai Suraqah, bukankah kamu adalah pelindung kami? Syaitan berkata: “*Aku berlepas diri daripada kamu kerana aku dapat melihat apa yang kamu tidak dapat melihatnya. Sesungguhnya aku takut kepada Allah kerana azabNya sangat berat*” (°Abd al-Manan, 1992).

Dari aspek bahasa arab, *khadhul* ialah perkataan yang berbentuk hiperbola dan ia terbentuk daripada pola فَعُول (Mahmud Safiyy, 1995). Perkataan yang terbentuk daripada pola fa^cul lazimnya menunjukkan sifat bagi sesuatu perkara secara maksima (Balqasim, 2005). Ini bermakna perkataan *khadhul* adalah sifat yang menunjukkan syaitan sebagai makhluk yang menjadikan manusia sebagai mainan semata-mata. Ia tidak akan sesekali serius dengan manusia dalam apa jua perkara dan kesudahannya manusia akan dibiarkan dalam kesesatan dan kehancuran.

Jadual 4: Perubahan pola perkataan *Khadhul*

Perkataan	Penerangan
حَدَّلَ	Kata kerja atas pola فَعَلَ
حَدُولٌ	Dari kata kerja tersebut, berlaku perubahan perkataan atas pola فَعُول dan membawa maksud hiperbola

Selain itu, perkataan *Khadhul* juga merupakan predikat kepada partikel كَانْ dalam ayat tersebut. Ia merupakan lafaz yang mengandungi unsur hiperbola dan menggambarkan syaitan ialah makhluk yang amat mengecewakan manusia (al-Darwish, 1992). Dalam konteks ayat tersebut, perkataan *khadhul* juga menterjemahkan satu penceritaan atau pengkhabaran cerita dalam ayat. Ia menerangkan bahawa syaitan adalah makhluk yang bersifat mengecewakan manusia dan tidak akan menolong manusia ketika kesusahan. Jika benar sekalipun syaitan menolong manusia, pertolongan tersebut berakhir dengan kekecewaan, kekufuran dan kebinasaan. Partikel كَانْ pula berfungsi untuk menggambarkan sifat bagi kata nama dengan sesuatu khabar atau penceritaan masa lalu. Justeru, kata nama yang dimaksudkan dalam konteks ayat tersebut ialah syaitan yang digambarkan dengan sifatnya sebagai *khadhul*.

Iblis

Firman Allah Taala:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ﴾

Maksudnya, “Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam. Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis ia enggan dan takbur” (al-Quran. al-Baqarah: 2/34).

Menurut para pengkaji, perkataan iblis dikatakan bukan daripada perkataan bahasa Arab. Ia berasal daripada bahasa Yunani dan ia masuk ke dalam bahasa Arab pada zaman mutakhir. Ia berasal daripada perkataan *diabolos* yang bererti musuh dan syaitan. Selain itu, perkataan iblis wujud dalam bahasa lain seperti *devil* dalam bahasa Inggeris, *diable* dalam bahasa Perancis, *diavolo* dalam bahasa Itali dan *teufel* dalam bahasa Jerman. Akan tetapi, semua perkataan itu dikatakan diambil daripada bahasa Yunani pada asalnya (Muhammad al-Sayyid °Aliyy, 2011).

Namun, bagi pengkaji bahasa Arab mereka menyebut perkataan iblis sebenarnya berasal daripada perkataan ﴿نَلَسَ﴾ bererti putus asa, menyesal. *أَبْلَسَ مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ* bermaksud menyesal daripada rahmat Allah. Perkataan iblis adalah kata terbitan daripada kata kerja tersebut dan ia ditujukan kepada iblis kerana ia telah terputus daripada rahmat Allah serta merasa kecewa dengan penuh penyesalan. Keadaan yang putus asa dengan penuh penyesalan ini juga dilakarkan menerusi rangkap puisi berikut (Ibn Manzur, 1999):

وَفِي الْوَجْهِ صُفْرَةٌ وَإِبْلَاسٌ مَنْ يَرِدُ الْمَوْتَ وَقَدْ هَابَ النَّاسُ

Keadaan putus asa dan putus harapan digambarkan dalam rangkap tersebut melalui perkataan *إِبْلَاسٌ*. Disebalik raut wajah, terselitnya rasa putus harapan dengan wajah yang kehitaman apabila kematian mengancam manusia. Daripada perkataan tersebutlah dikatakan terbitnya perkataan iblis yang bererti penyesalan, kekecewaan, diam dan seumpamanya. Iblis dinamakan sedemikian kerana ia telah terputus segala harapan dan rahmat daripada Allah dengan penuh penyesalan. Oleh itu, boleh dikatakan perkataan *Iblis* lebih merujuk kepada sifat bagi syaitan dan ia bertepatan dengan pandangan yang menyebut bahasa perkataan iblis adalah perkataan yang merujuk makhluk yang menderhaka kepada tuhaninya iaitu iblis. Ia disifatkan dengan penuh penyesalan dan terputus dari segala rahmat Allah (°Awdah, 2006).

Para mufassir memberi penjelasan bahawa turunya ayat daripada surah al-Baqarah ini adalah berkenaan dengan kejadian Nabi Adam AS. Allah ingin memuliakan Nabi Adam AS dengan menjadikannya sebagai khalifah. Lalu, Allah perintahkan para malaikat untuk sujud kepada Nabi Adam AS dan iblis berasa dengki dengan kemuliaan tersebut. Lalu, iblis mempertikaikan kepada Allah dengan berkata bahawa ia diciptakan daripada api sedangkan Adam daripada tanah. Maka, bermulalah kesombongan iblis yang menebal dalam dirinya untuk sujud kepada Adam (al-Andalusiyy, 1993).

Apa yang diperhatikan di sini ialah perbezaan unsur kejadian menjadi punca kepada sifat sombong dan rasa tidak puas hati iblis terhadap Adam. Api ialah unsur panas dan membara seperti api yang berada pada matahari. Api ialah unsur yang lebih baik daripada tanah kerana kekuatannya memberikan kesan kepada sesuatu objek atau benda. Allah menjadikan iblis daripada unsur api dengan bentuk sedemikian rupa kerana kesan daripada kekuatan unsur itu boleh membawa kehancuran dan kemusnahan. Dalam hadis riwayat Imam Muslim menyebut:

(خُلِقَتْ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخُلِقَ الْجَانُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخُلِقَ آدَمُ مِنْ مِمَّا وَصِفَ لَكُمْ)

Maksudnya, “Malaikat dijadikan daripada nur (cahaya). Jin dijadikan daripada marij (api). Dan Adam telah dijadikan daripada apa yang diterangkan kepadamu (iaitu daripada tanah)” (Hadis. Muslim. No. 167).

Perkataan مَارِحَ dalam hadis merujuk kepada nyalaan api yang bercampur dengan api kehitaman membara. Demikianlah realiti syaitan yang berasal daripada api (al-Hajjaj, 1994). Ini bermakna syaitan atau iblis ialah makhluk yang berkomposisikan api. Disebalik kejadian iblis daripada api sudah mencerminkan sifat api yang sebenar. Api ialah unsur yang membara. Melihat kepada apa yang telah berlaku, sifat api yang membara dalam diri Iblis menyebabkan dirinya angkuh dan sombong dengan perintah Allah untuk sujud kepada Adam. Lalu, ia menghancurkan diri sendiri dan akhirnya menyesal setelah terputus rahmat daripada Allah.

Dari sudut etimologi bahasa Arab, perkataan iblis berasal daripada kata kerja (بَلَسَ) dan terbentuk daripada pola اِفْعِيل. Terdapat dua penambahan huruf yang wujud pada pola tersebut (Mahmud Safi, 1995). Pola perkataan iblis ini menunjukkan ia adalah kata terbitan yang terbit daripada bahasa Arab dan ia juga adalah sifat yang disandarkan kepada iblis (°Awdah, 2006). Ini bermakna, pola tersebut menerangkan sifat bagi sesuatu perkataan.

Jadual 5: Pola perubahan perkataan iblis

Perkataan	Penerangan
Perkataan asal ialah بَلَسَ	Kata kerja atas pola فَعَلَ
Perkataan بَلَسَ menjadi اِبْلِسَ	Penambahan huruf <i>alif</i> dan <i>ya'</i> pada kata kerja
Pola فَعَلَ berubah kepada اِفْعِيل	Penambahan huruf yang berlaku pada pola perkataan iblis

Melihat kepada sudut yang lain, perkataan iblis mempamerkan aspek pengecualian dalam ayat al-Quran tersebut. Ia berkait rapat dengan partikel اِلَّا yang membawa maksud pengecualian. Pengecualian disebalik partikel tersebut menerangkan keadaan sebenar iblis yang digambarkan dalam situasi ketika itu (Bahjat, 1998). Para sarjana bahasa menyebut bahawa partikel اِلَّا menjelaskan maksud pengecualian terhadap iblis yang juga tergolong daripada kalangan malaikat. Ia menerangkan bagaimana iblis sebelum ia ingkar pada perintah Allah, ia ada bersama malaikat (al-Darwish, 1992).

Dalam kondisi ayat tersebut, dapat difahami keingkaran Iblis terhadap perintah Allah untuk sujud pada Adam menyebabkan ia terkecuali dan terputus daripada rahmat Allah. Oleh itu, partikel اِلَّا menunjukkan iblis terkecuali daripada mentaati perintah Allah untuk sujud pada Adam disebabkan oleh keangkuhannya. Para malaikat tunduk pada perintah Allah kecuali iblis yang mengecualikan diri daripada sujud pada Adam. Pengecualian yang dipaparkan dalam ayat tersebut adalah pengecualian yang nyata terhadap iblis kerana mempertikaikan perintahNya. Secara tidak langsung, gandingan perkataan iblis dan partikel اِلَّا merungkaikan pengecualian yang mutlak terhadap iblis.

Ghawwas

Firman Allah Taala:

﴿وَالشَّيَاطِينَ كُلَّ بَنَّاءٍ وَعَوَّاصٍ﴾

Maksudnya, “Dan (Kami memudahkan baginya memerintah) jin syaitan (ia memerintah) golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing)” (al-Quran. Sad: 38/37).

Perkataan *ghawwas* berasal daripada perkataan ﴿عَوَّاصٌ - يَعُوصُ عَوَّاصًا﴾ yang bererti menyelam. العَوَّاصُ ialah juruselam yang menyelam ke dasar lautan untuk mengeluarkan permata (Ibn Manzur, 1999). Perkataan *ghawwas* dilihat mempunyai persamaan makna yang menunjukkan tugas bagi juruselam:

أَوْ ذُرَّةً صَدْفِيَّةٍ عَوَّاصُهَا بِهِجْ مَتَى يَرَهَا يَهْلُ وَيَسْجُدُ

Perkataan *ghawwas* yang tertera dalam rangkap ini menerangkan perihal seorang juruselam yang mencari permata di dasar lautan. Ia menggambarkan tugas bagi seorang juruselam yang menyelam ke dasar lautan untuk mengeluarkan permata melalui perkataan عَوَّاصُ (al-Nabighah al-Dhibyaniyy, 1996). Oleh yang demikian, boleh dikatakan *ghawwas* lebih merujuk kepada sifat bagi syaitan. Ghawwas ialah juruselam yang mutiara dan permata di dalam laut (al-Qurtubiyy, 2006).

Pada dasarnya, perlu diketahui bahawa syaitan mengeluarkan segala permata yang ada di dasar laut (Ibn Kathir, 1998). Syaitan-syaitan tersebut dikawal oleh nabi Sulaiman dan mereka menyelam ke dasar laut untuk mengeluarkan segala permata (al-Shawkaniyy, 1994). Selain daripada menyelam ke dasar laut, mereka juga melakukan kerja-kerja berat yang lain iaitu membina bandar-bandar, istana, patung-patung dan sebagainya. Input daripada ayat tersebut menceritakan tentang kerajaan nabi Sulaiman dan ia menjadi satu nikmat besar yang dikurniakan kepadanya. Baginda diberikan kelebihan untuk mengawal pergerakan angin dan jin (al-Zuhayliyy, 2009).

Kesimpulannya, dapat difahami bahawa syaitan telah diberikan tanggungjawab oleh nabi Sulaiman untuk menjadi juruselam di dasar lautan. Tugas yang diberikan adalah tugas berat dan tanggungjawab itu tidak mampu dilaksanakan oleh manusia. Mana mungkin bagi manusia untuk menyelam ke dasar laut yang amat dalam untuk mencari permata. Kerajaan Nabi Sulaiman adalah kerajaan besar dan baginda dapat menguasai jin serta pergerakan angin. Semua jin dan syaitan yang ada di bawah pengawasan baginda akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Atas sebab ini, dapat difahami kenapa syaitan disifatkan sebagai juruselam pada zaman pemerintahan Nabi Sulaiman. Sifat ini disandarkan kepada mereka kerana ia merupakan tugas berat yang tidak mampu dilakukan oleh manusia. Akhir kata, dapat dirumuskan bahawa syaitan digelar *ghawwas* kerana ia bersesuaian dengan kekuatan dan keupayaan mereka yang menjangkau keupayaan manusia untuk melakukan tugas berat seperti itu.

Dari perspektif bahasa Arab, perkataan *ghawwas* merungkaikan maksud hiperbola yang terbentuk daripada pola فَعَّال. Ia adalah kata nama yang mengandungi unsur hiperbola (Mahmud Safi, 1995). Perkataan yang terbentuk daripada pola فَعَّال lazimnya adalah kata nama dan sifat (Balqasim, 2005). Ini bermakna *ghawwas* adalah sifat yang menunjukkan seseorang itu sebagai pelaku. Justeru, kekuatan perkataan ini dapat dilihat pada pola perkataannya. Daripada konteks ayat tersebut, syaitan adalah pelaku dan ia menggambarkan kekuatan syaitan menjalankan tugas beratnya sebagai juruselam di dasar lautan. Kekuatan ini menunjukkan kemampuan syaitan menyelam di dasar lautan berkali-kali dan ia tidak dapat dilakukan oleh manusia. Kepakaran syaitan melakukan tugas-tugas berat dengan penuh keupayaan dan kegigihan keras dipaparkan menerusi perkataan *ghawwas* tersebut.

PENUTUP

Berdasarkan kupasan dan perbincangan yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa sifat-sifat syaitan yang telah dinyatakan adalah berasal daripada bahasa Arab. Setiap sifat yang telah dinyatakan mengandungi kata dasar yang tersendiri. Ini membuktikan bahawa bahasa Arab itu adalah bahasa yang kaya dengan perbendaharaan katanya. Penggunaan sifat-sifat syaitan dalam al-Quran mempunyai kepentingan menerusi pelbagai aspek sama ada dalam aspek akidah, fiqh, linguistik, sejarah dan sebagainya. *Al-Shaytan* didatangkan

dalam ayat al-Quran dalam bentuk perumpamaan bagi menginterpretasikan sifatnya yang sentiasa menjauhkan manusia dari kebenaran dan berada dalam kesesatan.

Manakala *al-taghut* didatangkan dalam ayat al-Quran merungkaikan sifat kekufuran syaitan yang melampau dan berlebih-lebihan dalam kesesatan. *Khadhul* dipaparkan dalam ayat al-Quran menjadi bukti kukuh untuk menunjukkan sifat syaitan yang sentiasa mengecewakan sesiapa sahaja yang menjadikan syaitan sebagai temannya. Perkataan iblis diterjemahkan dalam ayat al-Quran untuk menunjukkan ekspresi syaitan yang disifatkan sebagai makhluk yang penuh penyesalan dan terputus jauh dari rahmat Allah. Akhir sekali, *ghawwas* didatangkan dalam ayat al-Quran bagi menggambarkan kepakaran syaitan sebagai buruh pembina yang menjangkau kehebatan dan keupayaan manusia untuk melakukannya.

Sehubungan itu, al-Quran mengaplikasikan pelbagai cara untuk menyampaikan maksud ayat secara berkesan di sebalik penggunaan sifat-sifat tersebut. Pendekatan gaya bahasa indah, gambaran yang penuh nilai estetika, susunan perkataan yang menghasilkan irama yang menusuk hati, jiwa dan sebagainya menjadikan maksud tersurat dan tersirat dapat diterjemahkan serta memberi impak kepada jiwa pembaca. Sifat-sifat syaitan dalam ayat al-Quran dikaji dalam dua aspek iaitu perkataan dan fungsi perkataan disebaliknya.

la diperoleh dengan merujuk kepada cabang-cabang ilmu seperti ilmu linguistik, retorik, teologi, psikologi, fiqh dan seumpamanya. Aspek-aspek yang dinyatakan ini melibatkan kajian dan penelitian yang membawa kepada getaran dalam jiwa serta kehebatan fungsinya. Metode penggunaan al-Quran terhadap sifat-sifat syaitan daripada pelbagai aspek ilmu bahasa Arab sama ada tata bahasa, *balaghah* atau linguistik adalah paling tepat dan wajar dijadikan panduan oleh pencinta bahasa Arab.

RUJUKAN

- al-Quran. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abd. Majid Hassan. 2011. *Berdialog Dengan Jin*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Abdullah Bukhari. 2012. *Ayat-Ayat Syaitan: Membongkar Rahsia Jin, Syaitan Dan Iblis Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pts Millennia Sdn. Bhd.
- al-Fayruz Abadiyy, Majd al-Din Muhammad. 2005. *Qamus al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Jil.
- al-Fayruz Abadiyy, Majd al-Din Muhammad. 1973. *Basa'ir Dhawi al-Tamyiz*. Qaherah: al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Andalusiyy, Abu Hayyan. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Azhariyy, Abi Mansur Muhammad bin Ahmad. 2001. *Mu'jam Tahdhib al-Lughah*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Ashqar, °Umar Sulayman. 1978. *°Alam al-Jin wa al-Shaytan*. Kuwayt: Qasr al-Kitab.
- °Abd al-Manan, °Ukashah. 1992. *al-Shaytan fi Zilal al-Quran li al-Shaykh Sayyid Qutb*. Misr: Maktabah al-Turath al-Islamiyy.
- °Awdah, Abu °Awdah. 2006. *Iblis wa al-Shaytan Dirasah fi al-Ishtiqaq wa al-Dilalah*. Majallah Jami'ah al-Najah li al-Abhath. Vol 20(1): 263-316.
- al-°Aqad, °Abbas Mahmud. 1985. *Iblis*. Qaherah: Dar Nahdah.
- Bahjat. 1998. *al-°rab al-Mufassal li kitabbillah al-Murattal*. °Amman: Dar al-Fikr.
- Balqasim. 2005. *Dirasah Lisaniyyah li al-Mushtaqqat fi al-Rub° al-Awwal*. °Anabah: Dar al-°Ulum.
- al-Baqiyy, Muhammad Fu'ad °Abd. 2001. *al-Mu'jam al-Mufahras li al-faz al-Quran al-Karim*. Qaherah: Matba°ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Baghawiyy, Muhammad al-Husayn bin Mas°ud. 1989. *Tafsir al-Baghawiyy*. Riyad: Dar al-Tayybah.
- al-Baydawiyy, Muhammad al-Shiraziyy. 2000. *Tafsir al-Baydawiyy*. Bayrut: Mu'assasah al-Ayman.
- al-Baytar, Muhammad Shafiq. 1993. *Diwan Abi Bakar al-Siddiq*. Dimashq: Maktabah al-Asad.
- Dakhil, °Aliyy Muhammad °Aliyy. 2003. *Qasas al-Quran al-Karim*. Bayrut: Dar al-Murtada.

- al-Darwish, Muhy al-Din. 1992. *Ḥrab al-Quran al-Karim wa Bayanuhu*. Dimashq: Dar al-Yamamah.
- al-Farahidiyy, Khalil bin Ahmad. 1988. *Kitab al-ʿAyn*. Bayrut: Muʿassasat al-Aʿla.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2008. *7 Tipu Daya Syaitan Ke atas Umat Islam*. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- al-Hanbaliyy, Abu Hafs ʿUmar. 1998. *al-Lubab fi ʿUlum al-Kitab*. Bayrut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Hajjaj, Abu al-Husayn Muslim. 1994. *Sahih Muslim bi Sharah al-Nawawiy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-ʿArab* Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-ʿArabiyy.
- Ibn al-Muʿtaz. 1961. *Diwan Ibn al-Muʿtaz*. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibn Kathir, ʿImad al-Din Abi al-Fida'. 1998. *Tafsir al-Quran al-ʿAzim*. Bayrut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Jamal al-Din, Abi al-Faraj. 1984. *Zad al-Masir fi ʿIlm al-Tafsir*. Bayrut: al-Maktab al-Islamiyy.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. 1981. *al-Amthal fi al-Quran al-Karim*. Bayrut: Dar al-Maʿrifah.
- Mahmud Safiyy. 1995. *al-Jadwal fi Ḥrab al-Quran wa Sarfihi wa Bayanihi*. Dimashq: Dar al-Rashid.
- M.Quraish Shihab. 1999. *Yang Tersembunyi: Jin, Iblis, Setan Dan Malaikat Dalam al-Quran Dan al-Sunnah*. Indonesia: Penerbit Lentera Hati.
- Muhammad bin ʿAbd al-Wahab. 2006. *Maʿna al-Taghut*. Dar al-Imam Ahmad. Qaherah.
- Muhammad al-Sayyid ʿAliyy. 2011. *al-Muʿarrab fi al-Quran al-Karim*. Jamʿiyyah al-Daʿwah al-Islamiyyah al-ʿAlamiyyah.
- al-Munjid, Nur al-Din. 1997. *al-Taraduf fi al-Quran al-Karim Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Nabighah al-Dhibyaniyy. 1996. *Diwan al-Nabighah al-Dhibyaniyy*. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Qahtaniyy, Saʿid bin ʿAliyy bin Wahaf, 2012. *al-Taghut*. T.tp: Shabakah al-Alukah.
- al-Qurtubiyy, Abi ʿAbdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariyy. 2006. *al-Jamʿ li Ahkam al-Qurʿan*. Bayrut: Muʿassasah al-Risalah.
- al-Raziyy, Muhammad Fakhr. 1981. *Tafsir al-Fakhr al-Raziyy*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Sulayman, Mahmud. 1999. *al-Sarf al-Taʿlimiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*. Kuwayt: Maktabah al-Manar al-Islamiyyah.
- al-Sayyid Mahrus. 1997. *ʿIbadah al-Shaytan Iblis al-Mutamarrid*. t.tp. t.pt.
- al-Shanqitiyy, Ahmad al-Amin. 2005. *Sharh al-Muʿallaqat al-ʿAshr*. Bayrut: Maktabah al-ʿAsriyyah.
- al-Shaʿrawiyy, Muhammad Mutawalliyy. 2002. *al-Shaytan wa al-Insan*. al-Iskandariyyah: Dar Akhbar al-Yawm.
- al-Shawkaniyy, Muhammad bin ʿAliyy bin Muhammad. 1994. *Fath al-Qadir*. Qaherah: Dar al-Hadith
- al-Tahir, Muhammad. 1984. *al-Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. al-Tunisiyyah: Dar al-Tunisiyyah.
- al-Tabatabaʿiyy, Muhammad Husin. 1997. *al-Mizan fi Tafsir al-Quran*. Bayrut: Muʿassasah al-Aʿlamiyy.
- al-Zawzaniyy, Abu ʿAbdullah al-Husayn bin Ahmad. 2004. *Sharh al-Muʿallaqat al-Sabʿ*. Bayrut: Dar al-Maʿrifah.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 2009. *Tafsir al-Munir fi al-ʿAqidah wa al-Sharʿah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.